

# Penetapan Visi, Misi dan Objektif Perniagaan

GERAK KERJA 31

Tarikh: \_\_\_\_\_

Masa: \_\_\_\_\_

## Maksud Visi, Misi, dan Objektif Perniagaan

1 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang objektif perniagaan?

- I Merupakan pembentukan maklumat yang lebih khusus
  - II Sasaran boleh diukur untuk membantu pencapaian tujuan organisasi
  - III Menjadi panduan untuk membuat keputusan dan tindakan
  - IV Pernyataan ringkas yang menjelaskan tujuan atau matlamat utama sesebuah perniagaan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

## Perbandingan Visi, Misi, dan Objektif Beberapa Perniagaan yang Berbeza

2 Pernyataan manakah yang benar tentang organisasi bermotifkan untung (OBU)?

- A Menjaga kebajikan ahli dan masyarakat
- B Memberikan perkhidmatan percuma kepada orang ramai
- C Didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia
- D Bermatlamat untuk memaksimumkan keuntungan dan memuaskan kehendak pemilik perniagaan

3 Antara yang berikut, manakah yang merupakan contoh organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)?

- I Mercy Malaysia
  - II Syarikat Mulia Sendirian Berhad
  - III Koperasi Runcit Kampung Bahagia
  - IV Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan Malaysia
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

4 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sebuah organisasi.

- Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- Sumber modal daripada pemilik, pinjaman, dan keuntungan perniagaan

Antara yang berikut, manakah contoh organisasi berkenaan?

- I Majlis Belia Malaysia
  - II Syarikat Bakti Sendirian Berhad
  - III Koperasi Runcit Kampung Bahagia
  - IV Persatuan Pengakap SMK Sandakan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

5 Manakah yang betul tentang perbezaan antara organisasi bermotifkan untung (OBU) dengan organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)?

|   | Bermotifkan Untung (OBU)                                           | Bukan Bermotifkan Untung (OBBU)                                                                                                           |
|---|--------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A | Memberi perkhidmatan kepada masyarakat                             | Mengeluarkan barang dan perkhidmatan                                                                                                      |
| B | Memberi kepuasan dan menjaga kebajikan ahli                        | Memaksimumkan keuntungan                                                                                                                  |
| C | Didaftarkan dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)           | Didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)                                                                                    |
| D | Sumber modal daripada pemilik, pinjaman, dan keuntungan perniagaan | Sumber pembiayaan daripada kerajaan, sumbangan, dan  |